

BAB DUA

Pilihankaya Sebagai Satu Sistem Penilihian Kepemimpinan Dalam Sistem Demokrasi

2.0. Pengenalan

Dunia hari ini telah menampakkan bahawa terdapatnya lebih dari satu cara untuk menggantikan sesuatu sistem pemerintahan. Di sesetengah negara berlaku peralihan kepemimpinan melalui rampasan kuasa yang menggunakan kekuatan senjata seperti di Iran dan Thailand. Di beberapa buah negara lain pula berlaku perubahan kepemimpinan dengan cara pilihankaya. Contohnya seperti Amerika Syarikat, Perancis dan Pakistan.

Pilihankaya adalah satu cara memilih wakil untuk membuat keputusan mengenai sesuatu dasar kerajaan melalui undian di dalam sistem politik Demokrasi. Demokrasi berpegang kepada prinsip bahawa kuasa dan asas pemerintahan berada di tangan rakyat yang memilih kepemimpinan tersebut di dalam pilihankaya, bukan di tangan orang yang dipilih untuk menjalankan pemerintahan.(1)

Pilihankaya adalah hak undian untuk rakyat memilih pemimpin dan Badan Perundangan Negara.(2)

Sistem pilihankaya disusun untuk melihat supaya proses politik dan perlembagaan memperuntukkan supaya

dilahirkan kumpulan pemerintah yang dipilih dengan
nasrat dan aspirasi rakyat. Orang ramai berhak memilih
wakil-wakil untuk mewakili mereka di Badan-badan
perundangan yang tertentu. Hak ini adalah hak
kemanusiaan seperti yang telah ditetapkan oleh
Peristiwa Konvensi Hukum Kemanusiaan Sejagat 1948, yang
telah diluluskan oleh Persidangan Agung Bangsa-bangsa
bersatu pada tahun 1948.(3)

Terdapat banyak bentuk sistem pilihanraya yang
dijalankan di dunia hari ini. Antara lain ialah sistem
"First Past The Post", sistem "Alternative Vote" dan
sistem "Proportional Representation".

Sistem "First Past The Post" ialah sistem yang
menyatakan kemenangan bagi seseorang yang mendapat undi
terbanyak di dalam sesuatu pilihanraya berkongaan.
Antara negara-negara yang mengamalkan sistem ini ialah
British dan negara-negara Commonwealth. Sistem
"Alternative Vote" ialah sistem yang diamalkan di
Australia. Sistem ini mengiktiharkan kemenangan kepada
mana-mana calon yang mendapat undian majoriti (lebih
daripada lima puluh peratus). Manakala sistem
"Proportional Representation" pula ialah sistem yang
memberikan kerusi Badan Perundangan mengikut kouta undi
masing-masing. Mana-mana calon yang mendapat undi lebih

banyak maka ia mendapat kouta yang lebih banyak berbanding dengan calon-calon lain. Negara yang mengamalkan sistem ini ialah seperti Amerika Syarikat.(4)

Sistem pilihanraya memainkan peranan yang penting di dalam merubah corak pemerintahan se sebuah negara. Perubahan-perutinan politik mewujud sistem pilihanraya ini telah dibuktikan oleh beberapa buah negara seperti Pakistan pada tahun 1988(5), Amerika Syarikat pada tahun-tahun 1961 dan 1969(6), Perancis pada tahun 1981(7) dan Britain pada tahun 1975(8).

2.1.Pilihanraya Sebagai Satu Proses Pemilihan Kepimpinan Di Malaysia

2.1.1. Sistem Yang Menaungi

Malaysia adalah sebuah negara yang bernaung di bawah sistem politik Demokrasi. Lebih khusus lagi dalam bentuk Demokrasi Berparlimen.(9) Kakyit Malaysia mempunyai suara mutlak di dalam menentukan kerajaan yang memerintah. Sejak kemerdekaan dicapai, adalah Demokrasi Berparlimen telah ditentukan melalui sistem pilihanraya yang bebas. Biasanya pada tiap-tiap lima

rakan rakyat Malaysia keluar mengundi di dalam pilihanraya untuk memilih wakil-wakil mereka di dalam Dewan -devan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Di dalam sistem ini wakil-wakil rakyat merakasenakan perwakilan mereka berlandaskan dataran batasan yang ditentukan oleh Perlembagaan negara.(10)

2.1.11. Kepemimpinan Negara Malaysia

Pemimpin-pemimpin utama negara Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian negeri bahagian Kuasa Perundangan Negeri dan bahagian persekutuan sebagai Kuasa Perundangan Persekutuan. Di peringkat negeri kepemimpinan diketuai oleh Sultan dan yang Di Pertua/Pertuan Besar Negeri. Majlis Mesyuarat Negeri diketuai oleh Menteri Besar.(11) Manakala di peringkat persekutuan puluh terdapat Yang Di Pertuan Agung sebagai ketua kepemimpinan Persekutuan, majlis Raja-raja, Jemaah Menteri dan Perdana Menteri.

2.1.11.a. Yang Di Pertuan Agung

Yang Di Pertuan Agung adalah Ketua Negara Malaysia. Baginda mempunyai keutamaan yang lebih dari semua orang di dalam Malaysia dan tidak boleh didakwa

11 mana-mana mahkamah. Yang Di Pertuan Agung ialah seorang Raja Melayu yang dipilih oleh Majlis Raja-raja mengikut peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Hadrah III, Perlembagaan Persekutuan.

Apabila dipilih, Yang Di Pertuan Agung akan memegang jawatannya selama lima tahun. Antara peranannya yang terpenting ialah memelihara agama pada setiap masa seperti mana yang tersebut di dalam sumpahnya. Di dalam menjalankan tugasnya baginda hendaklah mengikut nasihat Jumlah Menteri, melainkan kuasa-kuasa itu adalah kuasa yang nemang boleh dijalankan olehnya di atas budi bicaranya sendiri.(12)

2.1.11.b. Majlis Raja-raja

Majlis Raja-raja ialah sebuah majlis yang mengandungi Raja-raja dan Yang Di Pertua/Pertuan Negeri. majlis ini merupakan satu perunitukan penting untuk menyatupadukan semua raja-raja supaya Persekutuan menjadi lebih rapat. Antara lain tugas-tugas yang dijalankan oleh Majlis ini ialah memilih Yang Di Pertuan Agung dan Timbalannya dan menyetujui atau tidak sesuatu perbuatan, amalan, atau upacara agama yang meliputi seluruh Persekutuan.

Di bawah Perlembagaan Persekutuan kedudukan Raja-

Raja Melayu adalah terjamin. Undang-undang mengenai keutamaan, kedudukan dan komuniti mereka tidak boleh diluluskan oleh Parlimen tanpa persetujuan dari Majlis Raja-Raja. Majlis ini juga berperanan untuk memelihara yarat-syarat kevarianegaraan, turat bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera.(13)

2.1.11.c. Parlimen

Parlimen adalah Badan Perundangan bagi Persekutuan yang terdiri dari Yang di-Pertuan Agung dan dua Majlis Parlimen - Dewan Negara dan Dewan Rakyat.(14)

Dewan Negara dianggotai oleh ahli-ahli yang dipilih dan dilantik. Ahli-ahli yang dipilih ialah dua orang dari tiap-tiap Dewan Negeri. Ahli-ahli yang dilantik pula ialah dua orang dari Wilayah Persekutuan (terdiri dari Dewan Negeri) dan empat puluh yang lain, yang menurut pendapat Yang Di-Pertuan Agung berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau dalam profesyen perdagangan, perundangan, pertanian, kegiatan kebudayaan, perkhidmatan masyarakat atau mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan rancangan. Maksud ahli ahli yang dilantik ialah mereka yang Asli.

dilantik oleh Yang Di Pertuan Agung. Parlimen hanya kekal selama lima tahun mulai dari tarikh mesyuaratnya yang pertama, dan apabila cukup lima tahun maka terbubarlah Parlimen itu dengan sendirinya, malainkan sebelum cukup tempoh itu Parlimen dibubarkan oleh Yang Di Pertuan Agung. Setelah terbubar, pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh pembubaran itu bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan sembilan puluh hari bagi negeri-negeri Malaysia Timur. Parlimen hendaklah dipanggil bersidang tidak lewat dari seratus dua puluh hari daripada tarikh pembubaran itu, kecuali dalam masa darurat.(15)

Kedua-dua Majlis Parlimen memainkan peranan yang penting dalam proses perundangan di negara ini. Di dalam Majlis tersebut undang-undang akan diquotal untuk perlaksanaannya terhadap seluruh rakyat selata.(16)

Hakim Hasyim Yeop Sani menyatakan bahawa tiap-tiap satu undang-undang mestilah diperbuat mengikut kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan dan dengan cara yang diperuntukkan oleh Perlembagaan. Sesuatu Rancangan undang-undang Persekutuan hendaklah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan kemudianya diluluskan pula oleh Dewan Negara, dan akhir sekali hendaklah dipersetujui oleh Yang Di Pertuan Agung.(17)

2.1.11.d. Jumaah Menteri

Kuasa Menteri Persekutuan terletak pada tangan Jumaah Menteri walaupun dalam bentuk fungsi yang dilakukan oleh Yang Di-Pertuan Agung. Ini jelas seperti yang diperuntukkan oleh Kerlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Yang Di-Pertuan Agung hendaklah bertindak mengikut nasihat Jumaah Menteri melainkan seperti mana yang jelas diperuntukkan selainnya.(18)

Jumaah Menteri dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agung walaupun sebenarnya perlantikan itu adalah atas nasihat Perdana Menteri yang bertindak sebagai Ketua Jumaah Menteri. Berdasarkan kepada fungsi Jumaah Menteri yang besar terhadap Parlimen, ini bermakna ia merupakan institusi yang tertinggi di dalam Parlimen Malaysia.(19)

2.1.11.e. Perdana Menteri

Perdana Menteri adalah ketua bagi Jumaah Menteri. Perdana Menteri ialah seorang yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agung dari kalangan mereka yang menjadi Ahli Dewan Rakyat dan dianugerah mendapat kepercayaan majoriti dari ahli-ahli Dewan itu.(20)

Perdana Menteri memegang jawatan itu selagi mana

sejauh mendapat lebih dari seperempat kepercayaan ahli Dewan Rakyat. Jika berlaku sebaliknya sejauh hendaklah meletakkan jawatannya untuk membolehkan Yang di Pertuan Agung melantik Perdana Menteri yang lain. (2)

Kesimpulannya, semua kedudukan pemimpin pemimpin ini atas adalah terdiri dari mereka yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya kecuali Yang di Pertuan Agung, Raja-raja dan Yang di Pertuan Besar/Di Pertua Negeri serta Ahli Izwan Negara. Ini bermakna pembentukan kuasa pemerintahan utama negara dibina oleh mereka yang memenangi pilihanraya umum dengan diketuai oleh Perdana Menteri yang mendapat kepercayaan terbanyak dari ahli-ahli Parlimen.

2.2. Pilihanraya Di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem pilihanraya yang berasal dari Britain, yang disebut sebagai sistem "First Past The Post" (Wakil tunggal Bagi Satu Kawasan). (2) Pengundian bagi pilihanraya yang pertama ke Majlis Perundangan bagi Persekutuan Tanah Melayu telah dijalankan pada 27 Julai 1955, lapan belas bulan selepas tersiarinya Laporan Jawatankuasa yang dilantik untuk menakaji masalah pilihanraya ke Majlis Perundangan Persekutuan, tiga

bebas bulan selepas pengemukaan Laporan Suruhanjaya Memperenggarkan Bahagian Pilihanraya dan kira-kira membilang bulan selepas bermulanya tempun pendaftaran pemilih-pemilih.(23) Seterusnya pilihanraya-pilihanraya umum terus dijalankan pada tahun-tahun 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982 dan 1986.i.e.

Undang-undang umum bagi pilihanraya di Malaysia termaktub di dalam bahagian VIII, Perlembagaan Persekutuan yang terdiri dari perkara 113 hingga perkara 120, berserta dengan Jadual Ketua Bebas. Ia menyentuh tentang penyeliaan pilihanraya, perempadanan pilihanraya dan pendaftaran pemilih.

2.2.a. Penyeliaan Pilihanraya

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tentang wujudnya Suruhanjaya Pilihanraya sebagai satu badan yang bebas dari kawalan (SPR). (25) Sebagai satu badan yang bebas dari kawalan kerajaan, (26) SPR berperanan untuk menyelia, menyemak dan menyelenggara supaya setiap pilihanraya yang dijalankan akan berjalan dengan licin. SPR juga berperanan untuk mengatasi kesukitan-kesukitan dan kekeliruan-kekkeliruan yang timbul berkait dengan setiap pilihanraya.

Lebih lanjut lagi tentang keanggotaan, kebebasan

SPR serta kuasa, peranan dan tugasnya dimaktubkan didalam perkara-perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan, Seksyen 5 Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970) dan Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957.(27)

2.2.b. Persempadan Kawasan Pilihanraya

Persempadan dibuat untuk menjaga kepentingan sosio-politik sesuatu kawasan kerana penduduk-penduduk kawasan tersebut akan memilih seorang calon untuk mewakili mereka ke Badan Perwakilan.(28)

SPR adalah bertanggungjawab untuk mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan negeri-negeri pada tempon tidak lebih dari sepuluh tahun dan tidak kurang dari lapan tahun bagi maksud pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, sesuai dengan perkara 113(2) Perlembagaan Persekutuan.(29)

Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan menetapkan jumlah bilangan kerusi Dewan Rakyat. Bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri adalah ditetapkan oleh Badan Perundangan Negeri. Oleh itu persempadan hendaklah menjurus kepada keperluan bilangan kerusi-kerusi tersebut.(30)

2.2.C. Pendaftaran Pemilih

Tugas untuk menyedia dan menyenak dattar-daftar pemilih adalah terletak di atas bahu SPR seperti yang diperuntukkan di dalam perkara 113(1) Perlembagaan Persekutuan. Perkara yang sama disentuh oleh Akta Pilihanraya 1958 (disemak 1970) dan di dalam Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya 1971.

Padaannya terdapat beberapa kelayakan yang ditentukan terhadap mereka yang layak mengundi (menjadi pemilih). Antara lain ialah kewarganegaraan, umur dan mestautin.(31)

2.3. Perjalanan Pilihanraya Di Malaysia

Pilihanraya di Malaysia berjalan mengikut proses-proses yang tertentu. Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas menjelaskan seperti berikut;(32)

2.3.1. Proses pertama ialah Pegawai Pengurus Pilihanraya mengistiharkan akan diadakan pilihanraya bagi kawasan tertentu dengan menyatakan:

a. tarikh penamaan calon bagi pilihanraya itu, dan

b. tarikh mengundi, jika terdapat pertandingan iaitu lebih dari seorang calon.

2.3.2. Tugas penamaan calon digalakkan dengan teliti. Calon hendaklah menyerahkan tiga salinan kertas penamaan kepada Pejawat Penurus. Tiap-tiap kertas penamaan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang pencadang, seorang penyokong dan sekurang-kurangnya oleh empat orang lain lagi yang daftarkan namanya dalam kawasan pilihanraya tersebut. Ketiga-tiga salinan itu hendaklah disertakan dengan satu surat sumpah mengatakan kelayakan orang yang dicalonkan dan juga wang pendahuluan sebanyak satu ribu ringgit (\$1000.00) bagi Dewan Rakyat dan lima ratus ringgit (\$500.00) bagi Dewan Undangan Negeri (sehingga tahun 1987).

2.3.3. Jika ada pertandingan, Penurus Pilihanraya hendaklah memaklumkan:

- a. nama kawasan pilihanraya untuk ditandingi
- b. tarikh mengundi
- c. nama-nama calon yang akan bertanding mengikut susunan yang diterakan di kertas undi, lambang yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap calon, dan
- d. tempat-tempat mengundi bagi tiap-tiap daerah mengundi dalam sebuah kawasan pilihanraya dan waktu mengundi.

2.3.4. Pada hari mengundi, di luar tempat mengundi, hendaklah ditampalkan dua notis; satu notis yang menunjukkan nama tiap-tiap calon mengikut susunan nama yang diterakan di kertas undi dan lambang yang telah ditetapkan bagi calon-calon tersebut. Satu notis lagi untuk memberi arahan sebagai penunjuk kepada pengundi-pengundi.

Keamanan dan ketenteraman tempat mengundi diuruskan oleh Pejawat Petugas Pilihanraya.

2.3.5. Pada hari mengundi, pemilih hanya boleh mengundi bagi satu pilihanraya sahaja. Seseorang pemilih hanya boleh mengundi bagi kawasan namanya didaftarkan. Tiap-tiap pemilih diberikan sehelai kertas undi dan belieu akan mengundi dengan menandakan di atas kertas itu tanda yang menunjukkan pilihannya. Kemudian kertas itu hendaklah dilipat lalu dimasukkan ke dalam peti undi yang disediakan mengikut peraturan. Proses menanda, melipat dan memasukkan kertas undi ke dalam peti undi semuanya dibuat oleh pemilih secara sulit dan tidak boleh dilihat oleh orang lain.

2.3.6. Setelah selesai maka undi hendaklah dikira. Apabila kerja-kerja pengiraan kertas undi selesai,

Rasional Pengurusan akan membuat pengumuman iaitu calon yang mendapat undian yang terbanyak akan terpilih di dalam pilihanraya itu. Jika ada perbezaan undi maka ini diatasi dengan memberikan satu undi tambahan kepada salah seorang dari calon itu. Calon yang diberikan undi tambahan ini ditentukan dengan cara shutan undi. Ini dijalankan ketika Rasional Pengurusan, calon-calon dan wakil-wakil mereka hadir di tempat itu. Calon yang berjasa baik mendapat undi tambahan inilah yang akan distiharkan terpilih di dalam pilihanraya itu.

Demikianlah proses perjalanan pilihanraya di Malaysia secara umum sehingga terpilih Wakil-wakil rakyat yang memegang amanah perwakilan rakyat kawasan masing-masing.

Melalui sistem ini terdapat kebaikan-kebaikan dan kelemahan-kelemahannya. Beberapa kebaikan sistem ini ialah; tiada paksaan untuk memilih, undian dibuat secara sulit (termasuk undi pos) dan terdapatnya undang-undang keselahan pilihanraya untuk mengaval kelincinannya. Antara kelemahan-kelemahannya pula seperti; sistem "First Past The Post" menyebabkan golongan yang tidak mendapat lebihan undi, walaupun dengan hanya satu undi, tidak akan mendapat peluang

menduduki Badan Perwakilan, dan nomi benar atau salah tidak dapat dinilai dengan tepat walaupun seorang calon pilihanraya itu mendapat kemajuanan majoritas.

2.4. Pilihanraya Dari Perspektif Islam

(1) dalam pernyataan pernyataan titah perintah-Nya, Allah hanya meminta hamba-hamba-Nya melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, melaksanakan Hudud, keadilan, menunaikan amanah dan sebagainya. Meskipun pun Allah tidak menjelaskan secara terperinci jalannya untuk menunaikan perintah-perintah tersebut. Antara lain perintah-perintah tersebut ialah;

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya, dan berjihadlah pada jalan-Nya supaya kamu mendapat keberkuntungan." (33)

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." (34)

Ayat-ayat di atas meminta umat Islam mencari jalan dan melakukan hikmah dalam menuju cita-cita Islam. Syariat Islam tidak menetukan dengan jelas cara untuk menevakan Negara Islam, sama ada secara kudeta, warisan ataupun pilihanraya. Cuma yang pasti Allah menjelaskan perl pentingnya berjinad pada jalan-Nya

dalam memerangi orang-orang kafir. Maka khanza menjadi suatu tanggungjawab seluruh umat Islam. Firman Allah;

"Orang-orang yang beriman dan bertakwa serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan diri mereka adalah lebih tinggi derajatnya di sisi Allah, dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan."(35)

Pertama, apakah pilihanraya terdapat dalam Al-Qur'an? Kita tidak dapat melihat dengan terang terikunya sistem pilihanraya di zaman Rasulullah S.A.W., selain dari ayat. Apakah ada pilihanraya untuk melantik Khalifah lain sebagai pemimpin di masa hidup baginda. Ini kerana baginda wajib ditunti bukan sahaja sebagai Imam dalam sembahyang atau pemimpin dalam negara bahkan yang lebih besar dari itu ialah sebagai ar-Rasul.(36) Pelantikan Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar menjadi Khalifah juga bukan melalui sistem itu tetapi melalui Bal'ah 'Amman.

Walau bagaimanapun usaha-usaha awal untuk melaksanakan pilihanraya bagi melantik ketua negara ialah senasa pemilihan Saidina Uthman. Sejarah menyatakan tentang wujudnya satu komiti yang permesyuarat untuk memilih enam orang sahibus sebagai calon-calon Khalifah. Mereka ialah Abdurrahman bin Umar, Ali bin Abi Talib, Uthman bin Ayyub, Saad bin Abi

Waqqas, Abdul Rahman Bin Auf dan Talhah Bin Ubaidillah.(37) Calon-calon ini dipilih untuk dikemukakan kepada ramai. Walau bagaimanapun akhirnya komiti hanya mengemukakan satu nama sahaja iaitu nama Abdina Uthman Bin Affan selepas menerima keputusan raja selidik (survey) Talhah dan keputusan syura.(38)

Tokoh-tokoh ulamak Islam berpendapat bahawa pilihanraya (dalam bentuk Bai'ah 'Amah) hanya wujud apabila terdapatnya satu komiti khas yang memilih tokoh-tokoh masyaykat yang tertentu untuk dicalonkan menjadi Ketua Negara Islam. Komiti tersebut disebut arbaqat Ahli Ikhtiar atau Ahli al-Hilli Wal 'Aqdi.(39) Ia berperanan untuk memilih seseorang atau beberapa orang tertentu untuk menjadi calon. Ini kerana mereka lah yang lebih layak membuat pemilihan tersebut sebab mereka lebih mengetahui kemulianan akhlak tokoh-tokoh tersebut.(40)

Kuat kuasa menjadi Khalifah tidak terhenti setakat itu sahaja. Ia perlu disokong dengan pengakuan ummah secara pilihanraya. Pengakuan itu tidak semestinya dari keseluruhan ummat Islam kerana adalan mustahil keadaan itu boleh berlaku.(41) Pilihanraya oleh ummah juga tidak boleh menguatkuaskan perlantikan Khalifah tanpa didahului oleh pemilihan dari komiti berkendalian.(42)

Kesimpulannya, sistem pilihanraya boleh berlaku apabila terdapat dua komposisi masyarakat Islam yang berperanan di bahagian masina masnia. Komposisi pertama ialah Ahli al-Hilli wal 'Aqdi, sebagai satu institusi yang berperanan menyenaraipendekkan (short list) nama-nama calon yang layak untuk dipilih sebagai Khalifah atau wakil rakyat dengan melihat kepada syarat-syarat yang membolehkan seseorang menjadi Khalifah ummat Islam, dan mengetuai sebuah Negara Islam.

Komposisi kedua ialah fungsi ummah (orang ramai) untuk mengemukakan bal'ah (pilihanraya) sebagai persetujuan mereka memilih seseorang calon menjadi ketua. Fungsi ini adalah sebagai menyempurnakan penguatkuasaan perlantikan seseorang calon menjadi Khalifah ummah.

Terdapat dua iandah besar dari sistem yang disimpulkan ini iaitu pertama; untuk menjamin calon-calon yang akan dipilih oleh rakyat adalah yang terbaik dan memenuhi tuntutan silasah Islam. Oleh itu alasan yang mengatakan bahawa orang ramai tidak dapat mengetahui siapakah yang layak menjadi Ketua Negara Islam atau Wakil Rakyat tidak timbul kerana calon-calon telah dipilih oleh institusi pemilihan yang berkenaan. Kedua; dapat memenuhi kebebasan rakyat dalam

memilih ketua negara atau wakil mereka yang mereka rasakan akan dapat memenuhi pemilihan mereka. Ini akan menghasilkan kebersamaan dan bertanggungjawab terhadap amanah bersama.(43)

NOTA KAKI BAB DUA

1. Razak Bin Yahya, Cirak Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur : Penerbitan Utusan Melayu Berhad, 1967. Hal. 26.
2. K.Ramanathan Kallimantan, Aras Sains Politik. Petaling Jaya : Penerbit Pazar Aktif. 1987. Hal. 331.
3. Hidzir Bin Yahya, Satu Kajian Tentang Sistem Pilihankaya Di Malaysia. Latihan Ilmiah Fakulti Undang-undang U.M. Hal. 5,6,7.
4. Ibid. Hal. 9,12,13.
5. Utusan Malaysia. 16hb. Oktober 1989.
6. Abraham Ribicoff, Politik Cara Amerika. Terj. Talib Ahmad. Kuala Lumpur : Penerbit Utusan Melayu. 1973. Hal. 142.
7. Comparative Politics 86/87. Annual Editions. Edited by oleh Christian Soe. U.S.America :The Dushkin Publishing Group, Connecticut. 1988. Hal. 44.
8. Ibid. Hal. 18.
9. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), NEGARA KITA. Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara. 1982. Hal. 101.
10. Ibid.
11. Tun Mohamed Suffian Bin Hashim, Mengenal Perlembagaan Malaysia. Terj. Abdul Majid Bin Abd. Latif. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987. Hal. 206,207.
12. Prof. Ahmad Mohamed Ibrahim Ahlimah Joned, Sistem Undang-undang Di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987. Hal. 160,161.
13. Ibid. Hal. 162,163.

14. Perlembagaan Persekutuan, Perkara 44.
15. Ahmad Ibrahim(1987), op.cit., hal. 163,164,165.
16. INTAN(1982), op.cit., hal. 106.
17. Hasyim Yeop Sanj, Hagoi Maha Undang undang kita dikenal. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1980.
18. Perlembagaan Persekutuan, perkara 40(1).
19. Ahmad Ibrahim(1982), op.cit., hal 173.
20. Perlembagaan Persekutuan, perkara 43(2)(a).
21. Ahmad Ibrahim(1982), op.cit.
22. Hidzir Bin Yahya, op.cit.
23. Perlembagaan Malaysia. Perkembangannya: 1957-1972, Diedit oleh Tun Mohamed Suttian. Petaling Jaya : Pajaz Bakti. 1983. Hal. 244.
24. Prof.Madya Dr. Hussain Munamed, Membangun Demokrasi Pilihankaya Di Malaysia. Kuala Lumpur: Karya Bistar. 1987. Hal. 30.
25. Perlembagaan Persekutuan, perkara 113.
26. Perlembagaan Persekutuan, perkara 114.
27. Hidzir Bin Yahya, op.cit., hal. 71,72.
28. Ibid. Hal. 73.
29. Ibid. Hal. 95.
30. Ibid.
31. Perlembagaan Persekutuan, perkara 119.
32. Mohd. Salleh Abas, Pilihankaya Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987.
33. Surah Al-Maidah 5 : 35.

34. Surah An-Nahl 16 : 125.
35. Surah At-Taubah 9 : 20.
36. Qameruddin Khan, PEMIKIRAN POLITIK IBN TAIMIYAH. Terj. Anas Mahyudin. Bandung : Tenerbit Pustaka. 1983. Hal. 119.
37. Dr. Mahmood Heimi, NIQAB AL HUKMI AL ISLAMI. Dar Al-Fikri Al-Arabi. 1973. Hal. 73.
38. Ibid. Hal. 74.
39. Ahli Ikhtiar dan Ahli Al-Hilli wal Aqdi adalah sama. mereka adalah sekumpulan orang Islam yang mempunyai derajat yang lebih baik dari segi ilmu, akhlak dan visi berbanding dengan orang awam.
40. Sa'di Abu Jid, DIKASIH FI MINHADJ AL-ISLAMI AN-SIASI. Beirut : Muassasan Ar-Kisa'ah. 1985. Hal. 238, 239.
41. Ibid.
42. Ibid.
43. Pendapat yang sama tetapi dinyatakan oleh Ust. Alias Othman di dalam kuliah beliau, bagi pelajaran "Pemikiran Politik Perbandingan". Fakulti Syar'iah, Akademi Islam, Universiti Malaya. 19 hb. Oktober 1984.